

21/03/2003

Persatuan kontraktor disaran jalin kerjasama

KUANTAN: Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Persatuan Kontraktor India Malaysia (PKIM) diminta menjalin kerjasama dengan persatuan kontraktor Cina untuk mencari peluang kontrak lebih besar.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata setakat ini PKMM dan PKIM sudah menjalin kerjasama dengan mewujudkan Syarikat Usaha sama Kontraktor Melayu-India Malaysia Sdn Bhd (Sukmim) pada 1999 dan kerjasama

dengan kontraktor Cina boleh dilakukan melalui Masters Builders Association Malaysia (MBAM).

Katanya, penggabungan kontraktor Melayu, India dan Cina di bawah satu payung membolehkan mereka menubuhkan satu syarikat yang kukuh untuk memasuki tender kontrak di peringkat global.

"Kontraktor Melayu dan India menerusi Sukmim, berjaya mendapat projek Jalan Lingkaran Tengah Dua Kuala Lumpur bernilai RM238 juta dan mereka berjaya menyiapkannya mengikut tempoh ditetapkan.

"Kini mereka memohon mendapatkan kontrak lebih besar dan saya sudah menulis kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memaklumkan jika boleh meluluskan satu lagi projek kepada Sukmim.

"Saya yakin jika gabungan ini dikukuhkan dengan kemasukan kontraktor Cina, projek lebih besar dari dalam dan luar negara mampu diperolehi mereka," katanya.

Beliau berucap di majlis perjanjian persefahaman Sukmin antara PKMM Pahang dengan PKIM Pahang di sini, semalam.

Samy Vellu berkata, semua kontraktor perlu mewujudkan usaha sama dan mempelajari industri pembinaan yang semakin mencabar dalam era teknologi maklumat ini.

Beliau berkata, perkembangan industri pembinaan di negara ini menyebabkan teknologi dan kaedah pembinaan berubah dari semasa ke semasa.

"Kontraktor perlu membuat perubahan strategik dalam industri pembinaan bagi mengurangkan pergantungan tenaga buruh dan meningkatkan penggunaan teknologi dalam industri pembinaan," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu berkata, Sukmim Pahang yang diwujudkan semalam, membolehkan dua persatuan itu berkongsi pengalaman menjalankan pentadbiran kontrak.

Katanya, Sukmim Pahang kini boleh memohon kontrak pembinaan daripada Kerajaan Pahang dan Kerajaan Pusat.

"Saya juga meminta Zaini (Ketua Mengarah Jabatan Kerja Raya, Datuk Ir Zaini Omar) menawarkan projek kepada Sukmim Pahang pada masa depan kerana

usaha sama ini adalah unik di Pahang," katanya.